

**KERJA-KERJA UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN DI KAWASAN BP1, BP2, BP3, BP4 DAN BP5, TAHUN 2024, MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.**

BIL	PREAMBLES
	<p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</b></p> <p>A Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya.</p> <p>B Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan jadual kadar harga perkhidmatan ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam jadual kadar harga perkhidmatan ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telahpun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p> <p>C Seluruh kawasan BP yang dinamakan adalah dengan ini diserahkan kepada pihak kontraktor berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam dokumen kontrak bagi tujuan menjalankan kerja-kerja ujian makmal sehingga kawasan tersebut di serah semula kepada pihak majlis pada tarikh yang juga dinyatakan dalam dokumen kontrak.</p> <p>D Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang di tahan atas apa jua alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.</p> <p>E Bayaran akan dibuat berdasarkan senarai kuantiti sebenar di tapak setelah perkhidmatan siap dijalankan. Kuantiti akhir akan diukur dan dipersetujui bersama kontraktor atau wakilnya dengan pegawai penguasa atau wakilnya.</p> <p>F Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak/kumpulan/individu yang cuba/telah memeras ugut/bertindak ganas/mengganggu kakitangan/individu serta aset yang dibawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan/kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam menangani permasalahan ini.</p> <p>G Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan, but keselamatan, dan lain-lain perlatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berhak untuk mengikut Akta Keselamatan Pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu.</p> <p>H Kontraktor mestilah memulakan kerja ujian makmal yang ditetapkan di tapak setelah menerima arahan kerja secara lisan dan bertulis daripada Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa dalam tempoh yang telah diberikan. Kegagalan pihak kontraktor melaksanakan arahan kerja pembaikan dalam tempoh yang telah dikeluarkan satu notis ketidakpatuhan akan dikeluarkan.</p> <p>J Setiap perkhidmatan yang dijalankan adalah termasuk upah jentera, mesin, buruh dan pengangkutan pergi dan balik bagi kerja-kerja ujian makmal dan lain-lain yang berkaitan sehingga sempurna dengan kuantiti kerja berdasarkan kerja di tapak seperti yang diarahkan.</p>

**NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMB.)**

A Laporan lengkap ujian berkaitan perlu dikemukakan kepada pihak majlis dalam tempoh 7 (tujuh) hari dari tarikh ujian ditapak (laporan perlu dilengkapi dengan gambar foto ujian di tapak, keputusan ujian-ujian makmal serta disahkan oleh pihak makmal).

B Pihak kontraktor dan/atau wakil/penama yang sah akan dimasukkan ke dalam satu kumpulan '*what's app*' (*what's app group*) yang akan dinamakan kemudian bagi memudahcarakan/mencepatkan penyaluran semua makluman/maklumat/pertanyaan/jawapan/ arahan kerja. Semua transaksi perbualan adalah sebagai satu transaksi rasmi dan perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor. pihak kontraktor, tanpa sebarang alasan yang munasabah, tidak dibenarkan mendiamkan diri tanpa memberi apa-apa maklumbalas yang diperlukan.

**BAYARAN FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN**

C Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian secepat mungkin selepas semua terma dan syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dipersetujui kedua-dua pihak dari tarikh keluarnya surat setuju terima. Petender juga akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekiranya petender gagal untuk menandatangani perjanjian dalam tempoh tersebut, ia boleh menjejaskan proses tuntutan bayaran. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada **rujukan 20.1 dalam Arahan Kepada Pentender.**

**SYARAT TAMBAHAN**

D Satu sesi lawatan tapak ke makmal akan dijalankan.

E Keutamaan diberikan kepada makmal yang mempunyai sijil dari Jabatan Standard Malaysia: Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) dengan skop ujian kerja *Bitumen Premix/Asphaltic Concrete* yang masih sah dan berkuat kuasa.

**PENYEDIAAN INSURAN**

F Petender yang dilantik hendaklah menyediakan Perlindungan \*\* Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender)

\*\*Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans.

G Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (*Performance Bond*) dalam bentuk Bank/ Islamic Bank/BPIMB/Insurans/Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM 200,000.00 ( rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender ).